UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

PUTRAJAYA, 19 OGOS 2025 – Orang ramai disarankan untuk mendaftar MyDigital ID segera bagi memastikan akses lancar kepada dua platform utama kerajaan apabila kaedah log masuk tunggal (*Single Login*) mula dikuatkuasakan sepenuhnya dalam masa terdekat ini.

Dua platform tersebut ialah:

1. MyJPJ – Urusan semakan kelayakan Program Khas Peralihan Kelas B, permohonan dan pembaharuan Lesen Memandu Malaysia (LMM), pembaharuan Lesen Kenderaan Motor (LKM), semakan mata demerit, semakan status senarai hitam, semakan saman, pembayaran saman (kecuali kes senarai hitam), dan e-Aduan.

2. MyBayar PDRM – Urusan semakan dan pembayaran saman trafik PDRM.

Pada masa ini, kedua-dua platform ini telah pun diintegrasikan dengan MyDigital ID, di mana pengguna masih boleh memilih untuk log masuk menggunakan kata laluan sedia ada atau MyDigital ID. Namun, apabila pelaksanaan log masuk tunggal bermula, pengguna dikehendaki untuk log masuk menggunakan MyDigital ID sahaja bagi mengakses perkhidmatan tersebut. Bagi pengguna warganegara asing yang menggunakan MyBayar PDRM, kaedah log masuk sedia ada akan terus digunakan.

“Penggunaan MyDigital ID sebagai log masuk tunggal menjanjikan satu era baharu pengesahan identiti digital yang lebih mudah, selamat dan telus. Kami komited untuk memastikan setiap pengguna mendapat kemudahan maksimum dengan tahap keselamatan yang tinggi, sekali gus mempercepatkan transformasi digital negara secara inklusif dan berdaya tahan,” ulas Nik Hisham Nik Ibrahim, Ketua Pegawai Eksekutif MyDigital ID.

MyDigital ID mengesahkan identiti pengguna secara tepat dan telus melalui pangkalan data Kerajaan, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), tanpa menyimpan sebarang data peribadi pengguna. Langkah ini bukan sahaja meningkatkan keselamatan transaksi digital, malah memastikan pengalaman pengguna yang lebih mudah, lancar, dan dipercayai, tanpa perlu mengingati pelbagai kata laluan.

Selaras dengan komitmen meningkatkan kemudahan pengguna, MyDigital ID juga telah memperkenal ciri baharu iaitu pengesahan biometrik tempatan yang membolehkan pengguna log masuk dengan lebih pantas dan selamat menggunakan cap jari atau pengecaman wajah pada peranti masing-masing. Ciri ini amat memudahkan, khususnya bagi pengguna yang sering terlupa kata laluan. Untuk mengaktifkan fungsi ini, pengguna perlu mengemas kini aplikasi MyDigital ID ke versi terbaharu dan membuat tetapan biometrik.

Sehingga kini, MyDigital ID telah mencatatkan lebih 3 juta pengguna, dengan lebih 45 platform perkhidmatan Kerajaan dan swasta dalam talian yang telah berintegrasi dengan MyDigital ID.

- TAMAT -

Mengenai MyDigital ID:

MyDigital ID ialah platform identiti digital yang selamat dan dipercayai yang direka untuk mengukuhkan dan memudahkan pengesahan identiti dalam talian, tanpa menggantikan sistem MyKad. Ia berfungsi sebagai log masuk tunggal untuk perkhidmatan digital, menawarkan keselamatan dan kebolehcapaian yang lebih besar kepada rakyat dalam mengakses perkhidmatan dalam talian dan melakukan transaksi.

MyDigital mengutamakan keselamatan dan privasi data. Ia tidak menyimpan sebarang data biometrik atau pangkalan data peribadi dan tidak berfungsi sebagai pengganti MyKad untuk tujuan pengenalan diri.

Muat turun aplikasi MyDigital ID melalui gedung aplikasi utama; Google Play Store, Apple App Store dan Huawei App Gallery. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.digital-id.my.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi pasukan Komunikasi Korporat kami:

Nur Farah Ilyana Idros
Komunikasi & Perhubungan Awam
My Digital ID Sdn Bhd
E-mel: farah.idros@myid.my